

# Status Sosio-ekonomi Dan Perumahan Warga Tua Luar Bandar Di Malaysia

Nurizan Yahaya  
Asmidawati Ashari  
Siti Suhailah Abdullah  
Tengku Aizan Tengku Abd. Hamid

---

## ABSTRAK

Status sosio ekonomi dan perumahan adalah isu penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan kesejahteraan warga tua di negara ini. Kajian ini melibatkan seramai 1298 warga tua yang tinggal di luar bandar. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden terdiri daripada etnik Melayu dan Bumiputera, berumur antara 60-74 tahun, lebih dari separuh mempunyai pasangan dan 40% adalah balu (wanita). Purata saiz isi rumah adalah empat orang dan lebih % tergolong dalam kategori miskin. Daripada aspek kesihatan 56.4 % berpersepsi bahawa tahap kesihatan mereka adalah baik. Dari segi perumahan, lebih daripada 80% rumah yang didiami adalah rumah tradisi dan dimiliki oleh responden atau pasangan mereka. Purata bilangan bilik tidur adalah mencukupi dengan keperluan isirumah. Majoriti kediaman responden dilengkapi dengan kemudahan asas termasuk bekalan air, elektrik, tandas dan talian telefon. Dari segi peralatan isirumah, majoriti responden memiliki dapur gas, televisyen, peti sejuk, radio dan mesin basuh. Ujian Chi-square menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kategori pendapatan dengan jantina, tahap pendidikan, etnik, status pemilikan rumah dan jenis rumah. Kesimpulannya, didapati status ekonomi mempunyai perkaitan dengan aspek perumahan responden yang mana secara langsung menyumbang kepada kesejahteraan hidup warga tua luar bandar.

---

Nurizan Yahaya PhD is curenly Head of Social Gerontology Laboratory, Institute of Gerontology, UPM.

Tengku Aizan Hamid, PhD is currently Director of Institute Gerontology, UPM.

Asmidawati Ashari is science officer at Institute Gerontology, UPM.

Siti Suhailah Abdullah is science officer at Institute Gerontology, UPM.

## Pengenalan

Di Malaysia, penduduk yang berumur 60 tahun ke atas ditakrifkan sebagai warga tua. Banci Penduduk (2000) menunjukkan 6.3% penduduk negara ini atau 1.4 juta orang terdiri daripada warga tua. Lebih ramai warga tua tinggal di luar bandar (7.6%) berbanding dengan bandar (5.5%). Data banci siri masa menunjukkan bilangan warga tua luar bandar semakin bertambah ramai. Terdapat peningkatan bilangan warga tua yang signifikan di antara tahun 1991 dan 2000, manakala komponen penduduk warga tua bandar masih kekal pada tahap yang stabil. Ini sebahagiannya disebabkan oleh migrasi berterusan dari luar bandar ke bandar di kalangan penduduk muda untuk mendapatkan pekerjaan. Golongan tua pula terus tinggal di luar bandar dan perkadarannya semakin meningkat. Dari segi jangka hayat, purata untuk lelaki adalah 70.2 tahun dan 75 tahun untuk wanita (Banci Penduduk Malaysia, 2000). Ini bermakna wanita mempunyai jangka hayat yang lebih panjang daripada lelaki yang memberi implikasi terhadap bilangan balu yang tinggi (kematian suami) di kalangan wanita.

Banci Penduduk (2000) menunjukkan terdapat 38.2% atau 8.4 juta penduduk Malaysia yang tinggal di luar bandar. Diteliti mengikut isirumah pula, terdapat 3.11 juta isirumah tinggal di bandar berbanding dengan 1.79 juta yang tinggal di luar bandar. Purata saiz isirumah di luar bandar lebih besar (4.7 orang) berbanding dengan 4.4 orang di bandar dengan purata isirumah Malaysia seramai 4.5 orang. Di kalangan warga tua terdapat kecenderungan yang tinggi untuk terus tinggal di rumah mereka kerana sebahagian besar warga tua memiliki rumah mereka sendiri di luar bandar. Apabila dikaitkan golongan tua di luar bandar dengan perumahan atau tempat tinggal, golongan ini mempunyai ciri-ciri latar belakang dan keperluan tersendiri jika dibandingkan dengan golongan umur yang lain. Rumah bukan sahaja menyediakan tempat berlindung atau tempat tinggal tetapi juga tempat kebiasaan mereka sejak sekian lama. Rumah dan persekitarannya banyak meninggalkan kenangan yang telah dilalui sepanjang kehidupan mereka. Pengalaman ini memberi mereka keyakinan dan kekuatan untuk terus tinggal dalam persekitaran tersebut. Kebanyakan rumah di kawasan luar bandar adalah rumah tradisi atau dipanggil rumah kampung yang terletak di tapak rumah yang agak luas (anggaran setengah ekar atau lebih). Rumah tradisi ini lazimnya rumah bertiang yang menggunakan kayu sebagai bahan binaan utama. Rumah tradisi ini mempunyai beberapa bilik tidur dan ruang lain seperti ruang tamu (anjung dan serambi), rumah ibu, bilik air dan dapur.

Kajian lalu menunjukkan warga tua luar bandar cenderung untuk terus tinggal di rumah mereka setelah sebahagian anak-anak berpindah ke bandar untuk mencari pekerjaan atau tinggal berasingan setelah mendirikan rumahtangga. Terdapat juga kes di mana mereka tinggal dengan pasangan masing-masing dan terus tinggal berseorangan apabila pasangan mereka meninggal dunia. Sebahagian besar daripada mereka ini terdiri daripada wanita kerana jangka hayat wanita yang lebih panjang berbanding lelaki. Pemerhatian ada menunjukkan warga tua yang masih sihat cenderung untuk tinggal di rumah asal mereka terutama jika masih ada pasangan atau ada anak yang tinggal bersama

atau tinggal berdekatan. Pilihan warga tua yang terus tinggal di rumah mereka sehingga akhir hayat berkait rapat dengan konsep penuaan setempat (*aging in place*).

Sebahagian kecil daripada mereka memilih berpindah untuk tinggal bersama anak-anak di bandar apabila kematian pasangan bagi mengelakkan diri daripada tinggal berseorangan. Masalah pengangkutan, mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan barangan keperluan seharian adalah sebahagian daripada isu yang dihadapi oleh warga tua di luar bandar. Ini kerana lokasi rumah yang lazimnya jauh daripada kemudahan tersebut dan mereka memerlukan pengangkutan atau bantuan orang lain untuk mendapatkannya. Dalam keadaan ini mereka perlu membuat keputusan untuk terus tinggal di rumah tersebut atau berpindah ke tempat lain yang mempunyai kemudahan yang diperlukan. Ini juga bermakna warga tua yang terus tinggal di luar bandar perlu mendapat pelbagai bentuk sokongan termasuk untuk mendapat kemudahan rawatan kesihatan dan keperluan harian serta sokongan sosial seperti ziarah dan teman berbual.

Aspek berkaitan kepuasan terhadap perumahan merupakan faktor penentu kepada kesejahteraan dan kepuasan hidup warga tua (Scheidt, 1998). Semakin meningkat umur seseorang, faktor persekitaran perumahan menjadi semakin penting. (Oswald, Wahl, Mollenkopf and Schilling, 2003). Satu kajian yang dijalankan di Jerman mendapati warga tua menghabiskan 80% masa dalam sehari untuk berada di rumah (Kuster, 1998). Tahap kepuasan perumahan juga berkait rapat dengan kepuasan kewangan (Nurizan et. ai, 2006).

Di Malaysia, kebanyakan rumah di luar bandar adalah rumah yang sudah lama dibina yang menyebabkan kualitinya beransur merosot dan sebahagiannya perlukan proses pembaikan. Kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan warga tua yang tinggal di luar bandar berpuas hati dengan rumah mereka walaupun kualiti rumah sudah merosot kerana status rumah yang sudah lama. Ini berkait rapat dengan ikatan pengalaman mereka yang sudah lama tinggal di rumah tersebut (Housing Assistance Council, 2003). Lazimnya mereka enggan untuk berpindah ke tempat lain kecuali terpaksa seperti kematian pasangan dan mengidap penyakit teruk yang perlu penjagaan khusus.

Dari segi pendapatan, kebanyakan warga tua di luar bandar banyak terlibat dalam aktiviti pertanian dan perladangan pada masa mereka muda. Sebahagian kecil bekerja dengan pihak kerajaan, swasta atau berniaga. Umur tua juga berkait rapat dengan persaraan di mana sumber pendapatan tetap sudah tiada lagi, kecuali mereka yang bekerja dengan kerajaan yang ada menerima pencen. Sumber kewangan adalah terhad dan sebahagian besarnya didapati daripada pemberian anak-anak dan saudara mara. Oleh itu jumlah pendapatan sebahagian besar golongan warga tua adalah tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah atau miskin. Menurut kajian kesejahteraan kewangan di kalangan warga tua yang dijalankan di Semenanjung Malaysia oleh Jariah, Sharifah dan Tengku Aizan (2006) mendapati sumber pendapatan utama mereka adalah hasil pemberian anak lelaki (62.6%). Lebih ramai warga tua lelaki mempunyai

pendapatan sendiri dan pencen berbanding dengan warga tua wanita. Ini kerana bilangan wanita yang pernah bekerja dalam sektor formal yang terhad. Purata pendapatan tahunan yang mereka terima adalah sebanyak RM3,362. Sebanyak 57.3% warga tua mendapat pendapat personal kurang daripada RM1,000. Terdapat perbezaan signifikan antara warga tua lelaki dan wanita ( $M=RM2,531$ ,  $SO RM6,798$ ) dan lelaki ( $M=RM4,152$ ,  $SO=RM8,882$ ). Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Warga tua ditanya berkaitan kecukupan pendapatan personal mereka. Kajian menunjukkan kebanyakan responden berada di kuantil rendah dan merasakan pendapatan mereka cukup untuk memenuhi keperluan asas. Ujian Anova menunjukkan mereka yang mempunyai tahap pendapatan personal yang lebih tinggi, mempunyai persepsi kecukupan pendapatan yang lebih baik.

Umur yang tua sering dikaitkan dengan status kesihatan yang semakin merosot. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa status kesihatan semakin merosot dengan meningkatnya umur. Tengku Aizan et. al (2006) mendapati bahawa di kalangan wanita, status sosio-ekonomi mereka berkait rapat dengan pengukuran subjektif dan objektif kesihatan. Walaupun umur menjadi faktor utama yang mempengaruhi kemerosotan fizikal tetapi pendapatan mempengaruhi persepsi mereka terhadap kesihatan. Williams (2000) mengatakan warga tua lelaki mengalami kadar morbiditi dan mortaliti yang lebih tinggi daripada wanita dan kadar jangka hayat mereka juga lebih pendek. Kajian Jariah et. al (2006) menunjukkan majoriti mereka yang berpersepsi pendapatan mereka tidak mencukupi cenderung untuk tergolong dalam golongan yang berpersepsi rendah terhadap kesihatan.

Berdasarkan kepada sorotan literatur di atas, kajian ini bertujuan untuk meneliti status sosio-ekonomi dan perumahan warga tua luar bandar di Malaysia. Kesejahteraan warga tua luar bandar banyak bergantung kepada latar belakang sosio-ekonomi dan tempat tinggal mereka.

## **Metodologi**

Persampelan pelbagai tahap telah digunakan untuk mendapatkan wakil warga tua luar bandar dari negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Seramai 1,298 orang warga tua luar bandar telah ditemubual di kediaman mereka menggunakan borang soal selidik. Data ini adalah sebahagian daripada kajian Kesihatan Mental dan Kualiti Hidup Warga Tua yang dijalankan pada 2005. Ia meliputi latar belakang sosio-ekonomi dan status perumahan warga tua yang tinggal di luar bandar.

## **Hasil kajian**

Analisis data menunjukkan bilangan responden lelaki (48.0%) kurang sedikit daripada bilangan responden wanita (52.0%) (Jadual 1). Dari aspek etnik,

kaum Melayu (69.3%) paling ramai, diikuti Cina (9.8%), India (0.5%), lain-lain Bumiputera (18.0%). Ini menepati taburan penempatan penduduk di negara ini di mana golongan Melayu dan Bumiputera mewakili majoriti penduduk luar bandar. Dari segi umur, hasil kajian mendapati, majoriti responden (71.4%) berada dalam kategori umur muda tua (60-74 tahun), diikuti dengan tua-tua (75-84 tahun) iaitu sebanyak 23.5% dan golongan tertua iaitu mereka yang berumur 85 tahun ke atas (0.5 %). Dari aspek perkahwinan, paling ramai (56.9%) mempunyai pasangan diikuti dengan balu (40.5%), tidak pernah berkahwin (0.8%) dan bercerai (0.8%). Ini menunjukkan lebih separuh warga tua luar bandar masih mempunyai pasangan masing-masing. Diteliti daripada tahap pendidikan yang diterima, paling ramai warga tua (53.5%) tidak pernah menerima pendidikan formal/tidak bersekolah, diikuti dengan (43.2%) menerima pendidikan rendah, 1.2% mendapat pendidikan sekolah menengah dan 0.5% mendapat pendidikan kolej/universiti. Lebih daripada satu per empat 29.7% warga tua ini yang masih bekerja. Purata saiz isirumah (mereka yang tinggal secara tetap di rumah responden) adalah seramai 4.07 orang. Sementara purata bilangan anak mereka adalah tujuh orang. Kajian mendapati hampir separuh warga tua luar bandar berpendapat bahawa tahap kesihatan mereka adalah baik (48.8%), 7.6% sangat baik manakala 33.3% yang berpendapat tahap kesihatan mereka adalah tidak baik dan 2.9% adalah sangat tidak baik.

Pendapatan isirumah dikira dengan menjumlahkan semua sumber pendapatan daripada suami dan isteri. Pendapatan isi rumah dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan miskin bagi mereka yang mendapat jumlah pendapatan kurang RM 698 sebulan (Garis Kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan). Isi rumah yang berpendapatan RM699 hingga RM1,500 dikategorikan sebagai kumpulan berpendapatan rendah. Seterusnya isirumah yang mempunyai berpendapatan melebihi RM1,500 sebulan dikategorikan kepada golongan yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Hasil kajian menunjukkan 78.7% isirumah tergolong dalam kumpulan miskin, 18.5% dalam kumpulan pendapatan rendah dan 2.8% dalam golongan berpendapatan sederhana dan tinggi.


**Jadual 1: Latar Belakang Sosio-ekonomi Responden (n=1298)**

Angkubah		(N)	Peratus (%)	Min
Jantina	Lelaki	623	48.0	-
	Perempuan	675	52.0	
Status Perkahwinan	Tidak pernah berkahwin	11	0.8	-
	Berkahwin	739	56.9	
	Bercerai	10	0.8	
	Balu	526	40.5	

Tahap pendidikan	Tiada Pendidikan Formal	694	53.5	-
	Pendidikan Rendah	561	43.2	
	Pendidikan Menengah	15	1.2	
	Pendidikan Tinggi	6	0.5	
	Tiada Maklumat	22	1.7	
Etnik	Melayu	900	69.3	-
	Cina	127	9.8	
	India	7	0.5	
	Bumiputera lain	233	18.0	
	Lain-lain	31	2.4	
Kategori Umur	Muda-tua (60-74)	927	71.4	
	Tua-tua (75-84)	305	23.1	
	Tertua-tua (85+)	60	4.6	
Kategori Pendapatan Bulanan (RM)	< RM698 (Miskin)	1021	78.7	462
	< RM1500 (Pendapatan Rendah)	240	18.5	
	Melebihi RM1,500 dan ke atas (sederhana dan tinggi)	36	2.8	
Purata Saiz Isirumah		-	4.07	
Min Bilangan Anak				7
Persepsi kesihatan	Sangat baik	99	7.6	
	Baik	633	48.8	
	Tidak baik	432	33.3	
	Sangat tidak baik	38	2.9	

Responden juga telah ditanya tentang persepsi mereka sama ada pendapatan yang diterima cukup untuk menyara hidup mereka (Rajah 1). Hasil kajian menunjukkan hampir separuh (49.9%) bersetuju dengan kenyataan mereka mempunyai wang yang cukup untuk menyara hidup. Ini diikuti dengan 38.7% (lebih daripada satu per tiga) yang tidak bersetuju dengan kenyataan itu yang menunjukkan pendapatan yang diterima tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup mereka. Hasil kajian juga menunjukkan walaupun hampir tiga per empat responden yang tergolong dalam kumpulan miskin tetapi hampir separuh yang mengatakan pendapatan mereka cukup untuk menyara hidup. Ini berkaitan dengan corak perbelanjaan di luar bandar di mana kebanyakan responden memiliki rumah sendiri yang menyebabkan mereka tidak perlu membayar sewa rumah. Cara hidup di luar bandar yang banyak bergantung kepada sumber

pertanian dan perikanan juga membantu mengurangkan kos perbelanjaan makanan. Sebahagian daripada sumber makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan diusahakan sendiri di persekitaran rumah. Ini juga merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan merupakan cara hidup penduduk luar bandar.




Rajah 1: Taburan Persepsi Kecukupan Pendapatan

## Perumahan


Dari segi pemilikan rumah, lebih daripada separuh responden (69.7%) memiliki rumah mereka sendiri. Ini diikuti pemilikan rumah oleh pasangan (10.8%) dan anak-anak (8.9%). Kajian mendapati lebih daripada tiga per empat rumah dimiliki oleh responden atau pasangan mereka. Kajian juga mendapati walaupun responden luar bandar tergolong dalam kategori miskin tetapi mereka memiliki rumah sendiri. Ini kerana kebanyakan rumah kediaman mereka adalah rumah yang dibina di atas tanah pusaka yang diwarisi daripada generasi terdahulu.

Merujuk kepada jenis rumah yang didiami, empat per lima responden tinggal di rumah kampung (80.0%), diikuti dengan rumah banglo dan semi-D (7.1 %) dan seramai 4.1 % responden tinggal sama ada di rumah teres, rumah pangsa atau rumah kedai (Rajah 2). Meneliti dari segi bilangan bilik tidur, 32.7% rumah responden mempunyai 3 buah bilik tidur diikuti dengan 21.2% mempunyai 4 buah bilik tidur dan 16.2% mempunyai dua buah bilik tidur. Purata bilangan bilik tidur adalah 2.92 buah. Ini menunjukkan rumah kediaman responden mempunyai bilangan bilik tidur yang memadai untuk memenuhi keperluan ahli keluarga yang tinggal secara tetap di rumah mereka iaitu seramai 4.2 orang. Ini berkait rapat dengan struktur binaan rumah di kawasan luar bandar yang dibina di atas tanah tapak rumah yang lebih luas.



**Rajah 2: Taburan Jenis Rumah Yang Didiami Oleh Responden**

Responden juga telah ditanya tentang persepsi mereka berkaitan keselamatan berada di rumah masing-masing. Sebahagian besar responden (79.1 %) mengatakan mereka berasa selamat tinggal di rumah yang menjadi tempat tinggal mereka masa ini (Rajah 3). Ini berkait rapat dengan cara hidup masyarakat luar bandar yang mengamalkan sikap kejiranan yang kukuh dan saling membantu terutama kepada golongan warga tua.



**Rajah 3: Taburan Tahap Persetujuan Terhadap Tahap Keselamatan Rumah**

Analisis perinci menggunakan Ujian Chi-Square telah dijalankan untuk meneliti perkaitan kategori pendapatan responden dengan jantina, tahap pendidikan, etnik, status pemilikan rumah dan jenis rumah yang diduduki. Hasil analisis menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kategori pendapatan dan jantina pada ( $\chi^2 = 31.2, p < 0.000$ ) serta tahap pendidikan ( $\chi^2 = 98.6, p < 0.000$ ). Ujian *Chi-Square* juga menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kategori pendapatan dengan etnik ( $\chi^2 = 23.7, p < 0.003$ ), jenis rumah yang didiami ( $\chi^2 = 33.3, p < 0.001$ ) dan status pemilikan rumah ( $\chi^2 = 26.6, p < 0.001$ ).




## Kemudahan Asas

Kemudahan asas sangat penting untuk melancarkan segala aktiviti harian warga tua di kediaman mereka. Dari aspek kemudahan asas yang terdapat di rumah responden, 90.5% rumah responden mempunyai bekalan elektrik, 87.7% mempunyai bekalan air, 41.4% mempunyai tandas pam, 61.3% mempunyai tandas curah dan 61.6% mempunyai kemudahan talian telefon. Ini menunjukkan majoriti warga tua yang tinggal di luar bandar ini mempunyai sebahagian besar daripada keperluan asas yang diperlukan untuk melancarkan aktiviti kehidupan seharian mereka.

## Peralatan Rumah dan Kenderaan

Peralatan isirumah dan kenderaan dianggap penting masa kini untuk membantu melancarkan urusan seharian warga tua di rumah dan di persekitaran mereka. Ia dianggap semakin penting di kalangan warga tua yang mana sebahagian daripada mereka telah merosot kekuatan fizikal dan memerlukan peralatan yang berkaitan untuk memudahkan dan membantu aktiviti berkaitan kehidupan mereka. Rajah 4 menunjukkan peralatan isirumah dan kenderaan yang dimiliki oleh isirumah warga tua luar bandar ini. Paling ramai (93.0 %) memiliki dapur gas, diikuti dengan televisyen (89.5%), peti sejuk (83.4%), radio (78.0%) dan mesin basuh (63.6%). Peralatan ini dapat membantu dan memudahkan warga tua terutama di kalangan wanita untuk melancarkan tugas seharian mereka di rumah.

Bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, kenderaan adalah penting sebagai sumber pengangkutan. Ini kerana walaupun terdapat kenderaan awam di kawasan luar bandar tetapi kekerapannya adalah rendah dan kadang kala tidak menentu. Hasil kajian ini menunjukkan, daripada segi kenderaan, 23.6% warga tua mempunyai kereta, diikuti dengan 34.4% memiliki motosikal dan 18.6% memiliki van. Ini menunjukkan lebih daripada separuh warga tua memiliki kenderaan mereka sendiri.



Rajah 4: Taburan Peralatan Isirumah Dan Kenderaan Yang Dimiliki